



MAKLUMAT AM	
Nama Universiti	Universiti Malaysia Terengganu
Alamat	Pusat Antarabangsa Aras 1, Bangunan Kompleks Siswa Universiti Malaysia Terengganu 21030 Kuala Terengganu Terengganu, Malaysia
Email	ic@umt.edu.my
No. Faks	+609-6684325
Laman Sesawang	aims.umt.edu.my
PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	
Dr. Ahmad Faisal Mohamad Ayob Pengarah	Tel : 017 906 4733 No : +609-6685182 Email : ahmad.faisal@umt.edu.my
Dr. Isma Rosila Ismail Timbalan Pengarah	Tel : 013 980 8669 No : +069-6685091 Email : ismarosila@umt.edu.my
Ms. Amalina Zulkifli Penolong Pendaftar	Tel : 013 937 6414 No : +609-6684557 Email : amalina.z@umt.edu.my
PENYELARAS AIMS DI PUSAT PENGAJIAN	
Dr. Mohd Hairil Mohd Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Tel : No : +609-6683830 Email : m.hairil@umt.edu.my
Dr. Hajah Noor Zaitun Yahaya Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Tel : No : +609-6683972 Email : nzaitun@umt.edu.my
Dr. Yusof Shuaib Ibrahim Pensyarah Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	Tel : No : +609-6683995 Email : yusofshuaib@umt.edu.my
Dr. Tan Min Pau Pensyarah Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	Tel : No : +609-6684917 Email : mptan@umt.edu.my
PM Dr. Datin Norhayati Hj. Sharif Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim	Tel : No : +609-6683606 Email : dnoor@umt.edu.my



TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan tatacara permohonan mobiliti pelajar UMT ke luar negara khususnya Program ASEAN International Mobility for Students (AIMS)

LATAR BELAKANG (OBJEKTIF)

Program Mobiliti Pelajar (Ke Luar Negara) khususnya Program ASEAN International Mobility for Students (AIMS) adalah untuk menyediakan peluang kepada pelajar UMT untuk melengkapkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di luar negara.

Program mobility pelajar (Ke Luar Negara) – Program Asean International Mobility for Students (AIMS) adalah untuk mencapai objektif seperti berikut :

- a. Memberi pendedahan dan pengalaman pendidikan kepada pelajar khususnya rakan university AIMS;
- b. Mendorong dan melatih pelajar sebagai duta kecil UMT dan Malaysia;
- c. Membolehkan pelajar mempelajari budaya negara asing selain ilmu yang diceburi; dan
- d. Memperluaskan aktiviti MoU/MoA yang ditandatangani oleh UMT dan rakan universiti AIMS.



MAKLUMAT AKADEMIK & SYARAT PERMOHONAN

<p>Syarat Permohonan</p>	<p>Pelajar yang ingin memohon untuk mengikuti program AIMS yang bercredit perlu mematuhi kriteria-kriteria berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Warganegara Malaysia; b. Sedang mengikuti program Sarjana Muda sepenuh masa; c. Mendapat kelulusan Senat UMT dan mematuhi Peraturan Akademik dibawah pengurusan Jabatan Pengurusan Akademik; d. PNGK : 3.00 dan keatas; e. Dicalon dan disokong oleh pusat pengajian; f. Memenuhi kelayakan Bahasa Inggeris yang setara (Contoh : MUET, TOEFL atau IELTS) jika diperlukan; g. Memenuhi kelayakan akademik tambahan atau bahasa ketiga sekiranya diperlukan oleh Host University; h. Pelajar yang memohon perlu melengkapkan sekurang0kurangnya 2 semester pengajian di UMT sebelum mengikuti program AIMS; i. Bebas daripada sebarang masalah disiplin dan mempunyai kesihatan yang baik.
<p>Tempoh Program</p>	<p>Satu (1) Semester</p>
<p>Tarikh Tutup Permohonan</p>	<p>Semester I : 15 April Semester II : 15 Oktober</p>

	<p>Nota:</p> <p><i>Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen yang berkenaan MESTI sampai di Pusat Antarabangsa UMT sebelum tarikh tutup permohonan.</i></p> <p><i>Pelajar boleh memuat turun borang dari laman web AIMS UMT (aims.umt.edu.my).</i></p> <p><i>Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak HEPA tentang permohonan mengikut program mobility pelajar (ke luar negara).</i></p>
Dokumen yang diperlukan untuk permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Borang UMT/AIMS/PA/100-52/74/BO01 • Borang UMT/AIMS/PA/100-52/74/BO02 • Borang UMT/AIMS/PA/100-52/74/BO03
Penajaan/Pemberian Dana	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar hanya dibenarkan menerima sekali sahaja penajaan daripada program mobility pelajar (AIMS). • Pemberian dana (penajaan) untuk setiap pelajar meliputi: <ul style="list-style-type: none"> - Kos pengangkutan pergi dan balik termurah; - Bayaran pemprosesan visa; - Insurans kesihatan - Penginapan dan sara hidup mengikut negara • Had maksima pemberian dana (penajaan) ialah RM 20,000.00 bagi setiap pelajar mengikut garis panduan yang tertakluk kepada negara yang telah ditetapkan.
Keperluan pemindahan kredit	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekurang-kurangnya perlu mengambil 18 jam kredit.



TAMAT PROGRAM																						
Laporan	<ul style="list-style-type: none"> Setelah tamat mengikuti program, pelajar perlu; <ul style="list-style-type: none"> - Mengemukakan laporan program AIMS kepada Pusat Antarabangsa dan satu salinan kepada Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Pelajar) Pusat Pengajian. Laporan program haruslah mempunyai kandungan seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> - Latar Belakang Host University; - Kemudahan (Penginapan, Pengangkutan dan Makanan) - Aktiviti tambahan; dan - Sumbangan kepada negara dan ASEAN <p><i>Nota : Sekiranya gagal, pelajar akan diberi surat peringatan</i></p>																					
Tempoh Penghantaran Laporan	<ul style="list-style-type: none"> 2 minggu selepas tamat program 																					
PANDUAN PEMBAHAGIAAN BIASISWA (PENAJAAN) – PROGRAM AIMS																						
Pembahagian penajaan mengikut negara	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th>Bil.</th> <th>Negara</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Indonesia</td> <td>RM 6,500</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Thailand</td> <td>RM 6,500</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Vietnam</td> <td>RM 6,500</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Filipina</td> <td>RM 6,500</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Brunei</td> <td>RM 10,000</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Jepun</td> <td>RM 20,000</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Negara	Jumlah	1.	Indonesia	RM 6,500	2.	Thailand	RM 6,500	3.	Vietnam	RM 6,500	4.	Filipina	RM 6,500	5.	Brunei	RM 10,000	6.	Jepun	RM 20,000
Bil.	Negara	Jumlah																				
1.	Indonesia	RM 6,500																				
2.	Thailand	RM 6,500																				
3.	Vietnam	RM 6,500																				
4.	Filipina	RM 6,500																				
5.	Brunei	RM 10,000																				
6.	Jepun	RM 20,000																				
<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang ingin melanjutkan tempoh sangkutan atau kursus yang diambil hendaklah memaklumkan kepada Pusat Antarabangsa UMT dan Pusat Pengajian. Walau bagaimanapun, penambahan dana bagi pelanjutan program tersebut adalah dibawah tanggungan pelajar sendiri. Pelajar yang tidak berjaya menyelesaikan kursus yang telah diambil bertanggungjawab mengemukakan surat tunjuk sebab kepada Pengerusi Jawatankuasa Mobiliti Antarabangsa Pelajar (JKMAP) dan disalinkan kepada Pusat Pengajian dan Pusat Antarabangsa. Kegagalan untuk menyelesaikan kursus ini akan direkodkan di laporan akademik pelajar. Jawatankuasa Mobiliti Pelajar (JKMAP) mempunyai kuasa untuk menambah atau mengurangkan jumlah tajaan tertakluk kepada impak/kesan program tersebut terhadap universiti. 																						



TANGGUNGJAWAB

PELAJAR

- Memastikan status kelayakan penyertaan masing-masing;
- Melengkapkan borang permohonan AIMS UMT mengikut format yang ditetapkan setelah mendapat nasihat daripada penasihat di Pusat Pengajian;
- Melengkapkan Borang AKU JANJI BUDDIES dan diserahkan kepada Pusat Antarabangsa;
- Memastikan program yang wajib dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan;
- Memaklumkan kepada Pusat Antarabangsa bagi sebarang perubahan yang tidak dapat dielakkan secara bertulis bersama borang permohonan AIMS yang baharu;
- Menguruskan pembelian tiket penerbangan pergi dan balik;
- Menjaga nama dan imej baik UMT sepanjang berada di luar negara, tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 2009);
- Wajib mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh universiti;
- Wajib mematuhi undang-undang negara yang dilawati;
- Membuat persediaan untuk memperkenalkan UMT, Malaysia dan budaya Malaysia kepada masyarakat di negara yang dilawati;
- Mengemukakan laporan program ke Pusat Antarabangsa dalam masa 14 hari selepas program berakhir bersama dengan keratin tiket kapal terbang;
- Membuat persediaan untuk penyertaan dalam program seminar yang dianjurkan oleh universiti pada setiap tahun;
- Bersedia untuk memberi kerjasama kepada Pusat Antarabangsa/Pusat Pengajian/UMT sekiranya dipanggil untuk sesi perkongsian ilmu/seminar dsb; dan
- Memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga tentang penyertaan mereka dalam program AIMS dan mendapat kebenaran (jika perlu).

Peringatan:

- Sekiranya gagal untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, pihak universiti boleh mengambil tindakan ke atas pelajar.
- Sekiranya pelajar menarik diri daripada program ini, semua perbelanjaan yang diberikan mestilah dipulangkan semula.

PUSAT PENGAJIAN/PENYELARAS AIMS

- Memastikan garis panduan AIMS dihebahkan kepada pelajar dan pusat pengajian;
- Memastikan borang permohonan yang dilengkapkan mengikut garis panduan;
- Memastikan kelayakan pelajar menyertai program;
- Menyemak subjek dan jadual pembelajaran pelajar di UMT;
- Bertanggungjawab untuk memastikan pelajar memaklumkan secara rasmi kepada Pusat Antarabangsa dan penyelaras mengenai ketibaan di universiti penerima.
- Bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pelajar tentang sebarang pembaikan atau perubahan yang dicadangkan oleh Pusat Antarabangsa;
- Memaklumkan kepada Pusat Antarabangsa sekiranya terdapat sebarang perubahan atau sebarang maklumat berhubung pelajar semasa mereka sedang menjalani program universiti penerima.

PUSAT ANTARABANGSA

- Menyediakan kertas kerja makluman bagi program AIMS untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan Universiti pada setiap tahun;
- Memaklumkan kepada pusat pengajian tentang Garis Panduan AIMS dan format borang permohonan yang telah diluluskan;
- Menerima nama pelajar yang dihantar oleh pusat pengajian;
- Mengembalikan borang permohonan AIMS kepada pelajar/pusat pengajian untuk diperbaiki sekiranya terdapat kesilapan;
- Merekodkan maklumat program dan data pelajar ke dalam sistem;
- Mengeluarkan surat rasmi atau surat pengesahan program AIMS kepada universiti penerima (jika perlu);
- Menyediakan dan mengedarkan sijil penyertaan AIMS kepada pelajar setelahtamat dan menghantar laporan;
- Mengumpul dan menghantar laporan program AIMS kepada pihak yang berkenaan;
- Mengadakan hebahan program AIMS melalui pameran, seminar dan sebagainya;
- Menyemak status dan kriteria pelajar;
- Memberi panduan kepada pelajar untuk mengisi borang permohonan AIMS;
- Membantu pelajar dan juga pusat pengajian untuk berhubung dengan universiti penerima untuk mendapat maklumat bagi merancang aktiviti di sana;
- Memastikan pelajar mendapat kebenaran dari pusat pengajian bagi menjalankan program AIMS semasa sesi pengajian;
- Mencari dan melantik pegawai dari universiti penerima bagi menguruskan/memantau pelajar;
- Sentiasa berhubung dengan pelajar atau universiti penerima program AIMS bagi mengetahui perkembangan pelajar;
- Memastikan program dilaksanakan mengikut seperti yang telah dirancangkan;
- Membuat pelarasan kewangan ke Pejabat Bendahari setelah program tamat; dan
- Memastikan pelajar menyediakan dan menghantar laporan program ke Pusat Antarabangsa.

TUGAS/BULAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGS	SEPT	OKT	NOV	DIS
PA memaklumkan kepada PIC (Pusat Pengajian) pengambilan pelajar bagi Program AIMS												
PA mengadakan satu mesyuarat berama PIC (Pusat Pengajian)												
PIC (Pusat Pengajian) akan mengemukakan nama pelajar kepada PA												
PA akan menyemak kriteria calon pelajar yang diberikan												
PA akan mengeluarkan surat Confirmation (Health & Travel Insurance), Letter of Certification Scholarship, Recommendation Letter for Outbound Mobility kepada pelajar yang terpilih.												
Pelajar akan menghantar borang kepada PA untuk disemak. Borang akan dikembalikan sekiranya tidak lengkap.												
PA akan menghantar surat bersama nama pelajar terpilih kepada universiti penerima.												
Pelajar menerima surat tawaran dari universiti penerima.												
Pelajar menandatangani Borang AKU JANJI penerimaan biasiswa berjumlah seperti yang ditawarkan												
Pelajar yang menolak dan telah menerima biasiswa perlu menghantar surat tunjuk sebab dalam tempoh satu minggu dan memulangkan wang dalam tempoh satu minggu kepada universiti penerima.												
Pelajar menunggu surat tawaran yang dikeluarkan oleh universiti penerima dan mendapatkan dokumen calling visa dari kedutaan.												
Pelajar menerima surat tawaran perlu memberi maklum balas kepada universiti penerima.												
PA memasukkan peruntukan penajaan kepada pelajar.												
Pelajar menguruskan dokumen perjalanan dan pembelian tiket dengan nasihat dan bantuan PA.												
Pelajar menghadiri taklimat persediaan sebelum bertolak di PA.												
Pelajar bertolak dan menjalani program selama satu semester.												
Pelajar perlu memaklumkan kepada PA dan PIC tentang ketibaan di universiti penerima melalui email dan mengisi Borang Laporan Diri.												
PIC dan PA perlu sentiasa berhubung dengan pelajar dan PIC universiti penerima untuk perkembangan semasa												
Pelajar menerima sijil penyertaan dari universiti penerima.												
Pelajar mengemukakan laporan selepas 14 hari program berakhir.												
PA menjemput pelajar untuk sesi perkongsian pada masa yang sesuai.												



KETERANGAN	CARTA ALIR
<p>SEBELUM</p> <p>Mula</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pusat Antarabangsa memaklumkan kepada pusat pengajian (PIC) yang berkaitan mengenai pengambilan pelajar bagi Program AIMS. 2. Pusat Antarabangsa mengadakan satu mesyuarat bersama PIC AIMS. 3. PIC AIMS akan mengemukakan nama pelajar kepada Pusat Antarabangsa (Urusetia) dan menyemak kriteria calon yang dipilih. 4. Calon pelajar memuat turun borang-borang AIMS yang diperlukan di laman web AIMS UMT dan juga universiti penerima. 5. Pelajar perlu menghantar borang kepada Pusat Antarabangsa untuk disemak. Borang akan dikembalikan kepada pelajar sekiranya tidak lengkap. 6. Pusat Antarabangsa akan mengeluarkan surat yang berkaitan kepada pelajar yang terpilih. 7. Pelajar perlu membuat pemeriksaan kesihatan di PKU untuk memenuhi syarat universiti penerima. 8. Pusat Antarabangsa akan menghantar surat bersama nama pelajar terpilih kepada universiti penerima. 9. Pelajar menerima surat tawaran dari universiti penerima. 10. Pelajar menandatangani Borang Aku Janji penerimaan biasiswa berjumlah seperti yang ditawarkan. 11. Pelajar yang menolak dan telah menerima wang biasiswa perlu memberi surat tunjuk sebab kepada Pusat Antarabangsa dalam tempoh satu minggu dan memulangkan semula biasiswa kepada Pusat Antarabangsa dalam tempoh satu minggu. 12. Pelajar perlu menunggu surat tawaran 	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> 5[5] 5 -- Tidak --> 4 5 -- Ya --> 6[6] 6 --> 7[7] 7 --> 8[8] 8 --> 9[9] 9 --> 10[10] 10 --> 11[11] 11 --> 12[12] 12 --> End[...] </pre>

yang dikeluarkan oleh university penerima dan mendapatkan dokumen *calling visa* dari kedutaan university penerima di Malaysia.

13. Pelajar yang sudah menerima surat tawaran perlu memberi maklum balas kepada universiti penerima.
14. Pusat Antarabangsa akan memasukkan peruntukan penajaan kepada pelajar.
15. Pelajar menguruskan dokumen perjalanan dengan bantuan dan nasihat Pusat Antarabangsa dan menguruskan pembelian tiket penerbangan pergi dan balik.
16. Pelajar perlu menghadiri taklimat persediaan sebelum bertolak (Pre-departure Briefing) di Pusat Antarabangsa.

SEMASA

17. Pelajar bertolak dan menjalani program di university penerima selama satu semester.
18. Tiba di universiti penerima, pelajar perlu memaklumkan secara rasmi kepada Pusat Antarabangsa dan PIC melalui email.
19. Pelajar juga perlu mengisi Borang Laporan Diri dan emailkan kepada Pusat Antarabangsa dan PIC.
20. PIC dan Pusat Antarabangsa perlu sentiasa berhubung dengan pelajar dan PIC di universiti penerima untuk perkembangan semasa.

SELEPAS

21. Pelajar menerima sijil penyertaan dari universiti penerima.
22. Pelajar perlu mengemukakan laporan berikut;
 - Laporan bertulis perlu mengikut format Pusat Antarabangsa.
 - Dalam bentuk video (Aktiviti semasa di sana) ke Pusat Antarabangsa dalam tempoh 14 hari selepas program berakhir bersama dengan keratan tiket kapal terbang.
23. Pusat Antarabangsa akan menjemput pelajar untuk sesi perkongsian pada masa yang sesuai.

Tamat



